

Yang Berbahagia Datin Salasiah Binti Idris
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En Lio Kwang Meng
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisham Bin Said
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati
Ahli-Ahli Majlis Majlis Daerah Kota Tinggi
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi , Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor

***Ke Pekan Kuala membeli bingka,
Sayang pesanan terlupa sudah;
Majlis bermula tirai dibuka,
Dengan alunan madah yang indah
Sayang kumbang mencari makan,
Terbang seiring di tepi kali;
Selamat datang kami ucapkan,
Moga diiring restu Ilahi.***

Para hadirin yang saya kasihi,

1. Sepanjang bulan April ini pelbagai program yang berkaitan serta melibatkan MDKT telah di jalankan. Di antara program-program tersebut ialah Majlis Perasmian Kulim Kota Tinggi Badangman Challenge Dan Kulim Kota Tinggi Eco Boat Fishing Challenge Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor Di Kulim Eco Trail Retreat Ldang Basir Ismail (Namheng) , Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf RTD Daerah Kota Tinggi yang telah dipengerusikan oleh YB Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor di Majlis Daerah Kota Tinggi, Perasmian dan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke 13 Di Dewan Negeri Johor Bangunan Sultan Ibrahim di Jalan Bukit Timbalan JB dan dari 17hb April yang lalu sehingga 24hb April akan berlangsung Persidangan Keempat Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke 13.

***TuanKu percaya rancangan kerajaan,
Mampu dinikmati segenap lapisan;
Rakyat bersatu dalam perpaduan,
Negeri makmur dalam kemajuan.***

2. Merafak sembah menjunjung titah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor memperkenan merasmiankan Pembukaan Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke 13 Pada 14 April 2016 yang lalu.
3. Di dalam Titah baginda, beberapa Cadangan, Peringatan dan Tindakan Demi Memastikan Johor Terus Maju dan Berjaya dari sudut pembangunan ekonomi dan Isaniah .Baginda juga menitahkan agar seluruh Bangsa Johor terus Istiqamah Demi Kelangsungan Menjadikan Johor Berkemajuan terlaksana

4.

***Nobat nafiri paluan iramanya,
Mengiringi paduka turun berangkat,
Dirgahayu paduka selama-lamanya,
Raja berdaulat rakyat muafakat.***

Para Ahli Mesyuarat sekalian,

5. Intipati titah cadangan Baginda kepada kerajaan negeri supaya menubuhkan sebuah bank sendiri yang dinamakan sebagai “Bank Of Johor”. Fungsi Bank ini ialah memberikan perkhidmatan perbankan kepada rakyat johor, bukan sahaja untuk tujuan pinjaman perumahan atau pembiayaan projek pembangunan, tetapi juga untuk simpanan tabungan dan pelaburan berskala kecil mahupun besar.Baginda mahu agar rakyat Johor terus diberikan keselesaan dan kemudahan yang terbaik berbanding negeri lain.Baginda juga menyambut baik kerjasama yang dihulurkan oleh Bank Rakyat kepada Yayasan Sultan Ibrahim untuk menyediakan pembiayaan pembelian rumah bagi golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri dan urusan pendaftaran permohonan pinjaman ini akan dibuka tidak lama lagi.

***Semua Raja selalu menyeru,
Inginkan rakyat bersatu padu;
Keputusan yang baik tidak terburu,
Asalkan rakyat terus maju.***

6. Selain itu Baginda mengingat serta menekankan kepada Kepimpinan Kerajaan negeri berkenaan isu gangguan bekalan air bersih yang sering menjadi rungutan rakyat. Baginda bertitah Walaupun kita tidak mampu untuk mengawal perubahan iklim dan cuaca, namun kita boleh mengambil langkah proaktif bagi menangani masalah kekurangan air.Dalam hal ini setiap rakyat mesti mempunyai sikap menghargai air dan mengelakkan pembaziran.
7. Bekalan air bersih tidak seharusnya digunakan untuk menyiram tanaman atau mencuci kenderaan secara berlebihan.Kerajaan juga harus menggalakkan supaya setiap rumah mempunyai system pengumpulan air hujan untuk kegunaan luar. Langkah penjimatan seperti ini bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan bekalan air bersih tetapi juga mengurangkan bil air pengguna, bagi memastikan kualiti bekalan air yang baik dan kawasan takungan air tidak dicemari dengan bahan baja pertanian atau sisa ternakan, Baginda menitahkan agar kerajaan mengawal aktiviti penerokaan tanah dikawasan-kawasan rizab tadahan air dan mengambil tindakan tegas ke atas mereka.

8. Seterunya, di dalam titah ucapan, Baginda mengucapkan syabas kepada Datuk Bandar dan semua YDP PBT yang telah mengambil tindakan menurunkan papan iklan atau "Billboard" yang tidak mengikut spesifikasi. Barulah sekarang kita dapat lihat rupabentuk bangunan-bangunan kedai dengan papan tanda yang kemas dan tersusun. Baginda Tuanku juga mahukan kedai-kedai yang kotor dan kelihatan buruk, dibersihkan dan dicat semula dengan cantik.
9. Sebelum Baginda Tuanku mengakhiri titah ucapan, Baginda ada melahirkan kerisauan berkenaan masalah serius dikawasan Bandar yang masih belum dapat diatasi iaitu sikap pemandu kenderaan yang tidak berdisiplin dan tidak bertimbang rasa. Ini termasuklah pemandu bas dan teksi yang berhenti sesuka hati, pemandu kereta yang meletakkan kereta dibahu-bahu jalan dan kawasan yang tidak dibenarkan dan juga penunggang motosikal yang sering memandu secara melulu. Sekiranya sikap pemandu ini tidak boleh diubah dengan cara baik, Baginda Tuanku mencadangkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan berterusan diambil, bukan sekadar mengeluarkan kompaun kepada pemandu tetapi lesen memandunya harus digantung atau kenderaanya disita dan PBT juga dinasihatkan untuk merangka pelan pengurusan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan trafik di Bandar dengan menyediakan tempat letak kenderaan berpusat dan system pengangkutan awam yang lebih cekap dan efisien

***Putera kesayangan ayahanda dan bonda,
Cemerlang negara amat sukacita;
Raja dan rakyat berpisah tiada,
Bijaksana memerintah negara tercinta.***

10. Untuk Perhatian dan makluman Para Ahli Mesyuarat sekalian, Catuan Air akan dilaksanakan di sekitar Daerah Kota Tinggi yang meliputi Kawasan Felda Bukit Waha Simpang Waha, Bukit Easter, Lokheng Timur, Barat, Lokheng Selatan, Kuari Waha Dan Bukit Tentera bermula dari 19hb yang lepas sehingga 15 Mei 2016.

Para hadirin yang saya hormati,

11. Sejak kebelakangan ini Negeri Johor menjadi tarikan pelabur dalam dan luar Negara. Kepimpinan kerajaan negeri membuktikan bahawa dengan kerjasama seluruh Bangsa Johor Gagasan Johor Berkemajuan pasti akan dapat dilaksanakan. Persoalannya adakah kita yang mewakili rakyat Kota Tinggi cukup bersedia menyahut dan menjadikan Gagasan Johor Berkemajuan mencapai Matlamatnya? Pada masa yang sama slogan 'Merakyatkan PBT' harus kita bawa seiring dalam Gagasan tersebut. Bak kata orang-orang lama " Sederap Sehaluan Unggul Dipertahankan "

***Beli keladi di Pekan Lidup,
Sayang rasa lemaknya kurang;
Taburlah budi ketika hidup,
Kelak jasa dikenang orang***

12. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada kali ini, saya amat berharap kepada semua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan agar dapat bersama-sama menyumbangkan buah fikiran masing-masing semasa bengkel Perlaksanaan pelan strategik yang akan diadakan pada 26-29 April 2016 di Sabah. Semoga segala Objektif dan matlamat dapat dicapai secara bersama. Kerjasama dan Komitment yang kukuh pasti menghasilkan kejayaan yang cemerlang.

***Jangan lalai kejayaan ditempa,
Semua itu perjalanan jua,
Husnul Khatimah tertanam cita,
Moga doa diperkenan jua***

***Bunga seroja di atas para,
Jatuh ditimpa buah berangan;
Andai kata tersilap bicara,
Kemaafan jua kami pohonkan***

***Dari Kedah ke pekan sari,
Beli suasa di Kota Tinggi;
Selesai sudah tugas diberi,
Di lain masa bersua lagi.***

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warohmatullahiwabarakatuh , Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.